



**Pusat Perkhidmatan Pelanggan**

Hubungi **1 300 80 3030**  
pada kadar tempatan

+603 2171 3030

[amassurance-general@ambankgroup.com](mailto:amassurance-general@ambankgroup.com)

Taip **AmG<jarak>mesej**  
Hantar ke 33911 (AmAlert)

## AmDRIVE SHIELD INSURANS KEMALANGAN DIRI

DUTI SETEM  
DIBAYAR

Borang cadangan dan deklarasi yang diberikan oleh Pemegang Polisi akan menjadi asas kepada kontrak ini.

Setelah menerima bayaran premium pertama dari Anda dan sebarang bayaran premium selanjutnya, **AmG Insurance Berhad** (pihak Syarikat) bersetuju untuk melindungi

- Anda (Pemegang Polisi) 24 jam merangkumi seluruh dunia;
- Sesiapa yang diberi kebenaran oleh Anda untuk memandu atau mana-mana penumpang yang dalam perjalanan, semasa menaiki atau keluar daripada kenderaan yang Anda namakan di dalam Polisi/Sijil diseluruh Malaysia, Singapura dan Brunei

daripada kecederaan tubuh yang disebabkan oleh kemalangan sebagaimana ditakrifkan tertakluk kepada pengecualian, pembatasan, peruntukan-peruntukan, terma-terma dan syarat-syarat yang termaktub pada Polisi.

### MANFAAT

Kami akan membayar Manfaat yang bersesuaian seperti yang dinyatakan didalam Jadual/Sijil Insurans, di dalam Tempoh Insurans disebabkan oleh kecederaan tubuh badan akibat kemalangan, mengakibatkan perbelanjaan perubatan, kematian atau pembedahan seperti yang ditetapkan di bawah Polisi ini.

### BAHAGIAN 1 KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila kemalangan kecederaan tubuh yang mengakibatkan kematian, Kami akan membayar di dalam jangkamasa seratus lapan puluh (180) hari kepada waris Anda sebanyak RM20,000.00 dan waris penumpang-penumpang yang lain dan/atau pemandu yang dibenarkan sebanyak RM10,000.00 setiap seorang.

### BAHAGIAN 2 HILANG UPAYA KEKAL

Apabila kemalangan kecederaan tubuh yang mengakibatkan kehilangan-kehilangan berikut, Kami akan membayar di dalam jangkamasa seratus lapan puluh (180) hari kepada Anda dan/atau penumpang-penumpang dan/atau pemandu yang dibenarkan oleh Anda mengikut amaun yang ditetapkan di bawah:-

	Pemegang Polisi	Penumpang-penumpang/Pemandu Yang dibenarkan
Kedua-dua belah tangan dan/atau kedua-dua belah kaki	RM20,000.00	RM 10,000.00
Penglihatan kedua-dua belah mata	RM20,000.00	RM 10,000.00
Pendengaran kedua-dua belah telinga	RM20,000.00	RM 10,000.00
Kelumpuhan Keseluruhan	RM20,000.00	RM 10,000.00
Kekal terlantar di katil	RM20,000.00	RM 10,000.00
Salah satu tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	RM20,000.00	RM 10,000.00
Salah satu tangan atau kaki	RM10,000.00	RM 5,000.00
Penglihatan pada sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga	RM10,000.00	RM 5,000.00

"Kehilangan" seperti yang digunakan di atas merujuk kepada tangan atau kaki yang bermaksud pembedahan penuh di antara atau di atas sendi pergelangan tangan atau buku lali, dan seperti yang dirujuk kepada mata, bermaksud kehilangan keseluruhan penglihatan dan tidak dapat dipulihkan, dan seperti yang digunakan dengan dirujuk kepada telinga, bermaksud kehilangan keseluruhan pendengaran dan tidak dapat dipulihkan.

Kejadian sebarang kehilangan tertentu yang mana manfaat yang boleh dibayar di bawah Bahagian ini akan menamatkan semua insurans di bawah Polisi ini dengan serta-merta, tetapi penamatan sedemikian dilakukan tanpa prejudis terhadap sebarang keadaan yang melebihi daripada salah satu kehilangan, yang terbesar, di mana peruntukan-peruntukan telah dibuat di Bahagian ini.

---

### BAHAGIAN 3 MANFAAT PERUBATAN

---

Kami akan menanggung Perbelanjaan Perubatan Anda/Pemandu yang Dibenarkan/Penumpang yang ditanggung di dalam jangkamasa lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan oleh Anda/Pemandu yang Dibenarkan/Penumpang dibangkitkan oleh salah satu kemalangan tetapi amaun agregat yang boleh dibayar tidak melebihi RM1,000 untuk Anda dan RM500 setiap orang untuk Pemandu yang Dibenarkan dan/atau Penumpang. Istilah 'Perbelanjaan Perubatan' adalah termasuk perbelanjaan untuk bayaran caj hospital, rawatan perubatan/pembedahan dan yuran-yuran jururawat.

Anda akan dikehendaki untuk menyerahkan bil-bil Perubatan yang asal /invois-invois dan resit-resit rasmi yang berkenaan pada masa anda ingin menuntut pembayaran balik bagi perbelanjaan perubatan anda.

---

### BAHAGIAN 4 PERUNTUKAN KHAS

---

Sekiranya bilangan penumpang melebihi bilangan yang ditetapkan dalam Jadual Polisi/Sijil, Had Tanggungan Kami bagi setiap orang di bawah Bahagian 1, 2 dan 3 akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan penumpang-penumpang berbanding dengan bilangan penumpang-penumpang yang diisytiharkan.

Perihal had ini dikecualikan kepada Anda.

---

### BAHAGIAN 5 PENGECUALIAN

---

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang kecederaan/ketidakupayaan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan salah satu yang berikut:-

- a) Apa-apa jenis penyakit, jangkitan penyakit atau parasit termasuk malaria, demam denggi, "Japanese Encephalitis" dan Sindrom Kekurangan Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC).
- b) Apa-apa kecacatan/kelemahan fizikal sedia ada/apa-apa keuzuran, penyakit atau apa-apa penyakit sekalipun.
- c) Kemalangan berlaku semasa pemandu dibawah pengaruh alkohol yang memabukkan atau pengambilan dadah.
- d) Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasinya.
- e) Hilang akal, bunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau apa-apa percubaan ancaman, kecederaan diri sendiri yang disengajakan.
- f) Bila Anda tiada hak pemilikan (kepentingan yang diinsuranskan) pada kenderaan yang dinyatakan di Jadual Polisi/Sijil (untuk penumpang sahaja).
- g) Ketika kereta digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan, menentukan rentak atau ujian kelajuan atau digunakan untuk sebarang tujuan berhubung perdagangan motor.
- h) Ketika melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.
- i) Menunggang / memandu tanpa lesen memandu yang sah.
- j) Pembunuhan atau serangan yang terdorong.
- k) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, dahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan ketenteraan atau pemberontakan orang ramai.
- l)
  - i. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear, sisa bahan nuklear atau daripada pembakaran bahan api nuklear.
  - ii. Bahan radioaktif, toksik, letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemar hartanah daripada mana-mana pemasangan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear yang lain atau komponen nuklear daripadanya.
  - iii. Apa-apa senjata peperangan yang menggunakan keatomian atau pembelahan nuklear dan/atau cantuman atau tindakbalas serupa yang lain atau kuasa radioaktif atau jirim.
- m) Apa-apa tindakan keganasan, Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau kekejaman dan/atau ugutan daripada itu, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, melakukannya untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi, atau tujuan yang serupa termasuklah dengan tujuan untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam dalam ketakutan.

---

### BAHAGIAN 6 SYARAT-SYARAT

---

#### 1. PINDAAN

Kami mempunyai hak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dan pindaan sedemikian pada Polisi ini adalah sah jika diberikuasa oleh Kami dan diendorskan pada dokumen ini. Kami akan memberi notis bertulis kepada Anda mengikut alamat terakhir yang direkod untuk apa-apa pindaan yang dibuat.

2. **UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIKENAKAN**

Polisi ini dan semua hak-hak, obligasi-obligasi dan liabiliti yang timbul menurut dokumen ini, hendaklah ditafsirkan dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam dokumen ini.

3. **TIMBANGTARA**

Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang hendaklah dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak. Jika mereka tidak bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam masa satu (1) bulan setelah diperlukan secara bertulis untuk berbuat sedemikian maka kedua-dua pihak berhak melantik seorang Penimbangtara yang masing-masing hendaklah meneruskan pendengaran perbezaan bersama seorang Wasit yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Walaubagaimanapun, syarat ini tertakluk kepada rujukan tuntutan liability yang telah kami tolak berdasarkan polisi ini perlu dibuat kepada seorang Penimbangtara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan sedemikian.

4. **PERUBAHAN KEADAAN**

Anda perlu memaklumkan kepada Kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan keadaan yang mungkin mempengaruhi insurans ini.

5. **TUNTUTAN**

- a) Notis kecederaan di mana tuntutan dibuat dan dilindungi oleh Polisi ini, mestilah diberi secara bertulis kepada Kami dalam masa 14 hari selepas kejadian. Kami, sebaik menerima notis sedemikian akan memberikan borang tuntutan kepada Anda supaya bukti tuntutan difailkan.
- b) Sekiranya berlaku kematian, notis yang munasabah hendaklah diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran mayat dan Kami mungkin akan membuat permohonan untuk hadir pada bedah siasat atau pemeriksaan mayat Orang Yang Diinsuranskan. Kami mempunyai hak dan peluang untuk menjalankan autopsi dengan perbelanjaan sendiri jika ianya tidak dilarang oleh undang-undang. Notis segera tentang masa dan tempat mana-mana siasatan kematian yang telah ditentukan akan diberikan kepada Kami.

Kesemua sijil-sijil, informasi dan bukti yang diperlukan oleh Kami hendaklah diberikan oleh Anda atau wakil peribadi Anda yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan jenis yang ditentukan oleh Kami.

6. **SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA**

Mematuhi dan memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini dengan wajar setakat ianya berkaitan dengan perkara yang perlu atau tidak patut dilakukan oleh Anda atau wakil peribadinya yang sah akan menjadi syarat-syarat terdahulu kepada apa-apa liabiliti Kami untuk membayar apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

7. **SALAH NYATA ATAU TERTINGGAL BAHAN FAKTA**

Kami tidak bertanggungjawab untuk apa-apa salah nyata dalam atau jika suatu bahan fakta telah tertinggal daripada Borang Cadangan. Menurut Seksyen 149(4) Akta Insurans 1996, anda dikehendaki memberitahu kepada Kami, dengan sepenuhnya dan sejujurnya semua fakta yang anda tahu atau sepatutnya tahu, jika tidak polisi yang dikeluarkan menurut dokumen ini boleh menjadi tidak sah.

8. **PENAMATAN INSURANS**

Polisi ini akan tamat pada mana-mana kejadian pertama berikut;

a) **Penamatan Oleh Kami**

Kami boleh memberi notis penamatan dengan surat berdaftar kepada Anda di alamat terakhir yang diketahui. Penamatan sedemikian berkuatkuasa dalam masa tujuh hari selepas tarikh notis sedemikian. Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, premium pro-rata akan dipulangkan kepada Anda dengan syarat bahawa tiada tuntutan dibuat dalam Tempoh Insurans semasa.

b) **Penamatan Dari Anda**

Sekiranya Kami menerima notis penamatan daripada Anda, penamatan Polisi ini akan berkuatkuasa pada tarikh notis ini diterima atau pada tarikh yang ternyata pada notis, yang mana akhir. Jika premium telah di bayar, Kami akan membayar balik bahagian yang belum tamat mengikut Jadual Jangka Pendek dibawah dengan syarat tiada tuntutan insuran pada masa tempoh insuran.

**Jadual Jangka Pendek**

<b>Tempoh tidak melebihi:</b>	<b>Bayar Balik Premium Tahunan</b>
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pulangan Bayaran

c) **Penamatan Automatik**

Polisi ini akan luput/tamat pada 12.00 tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans.

---

## NOTIS PENTING

---

### FASAL TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

Adalah menjadi syarat asas dan syarat khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka insurans ini akan terbatal and tidak sah secara automatik.

Ejen yang diberikuasa hendaklah menghantar premium dalam masa lima belas (15) hari setelah menerima premium daripada Anda dan/atau Orang Yang Diinsuranskan. Kami mempunyai hak untuk menolak apa-apa perlindungan dan/atau menolak apa-apa tuntutan kerana premium tidak dibayar kepada Kami.